

03/05/2004

Dr M sedia jadi pendamai konflik Israel-Palestin

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad bersedia memainkan peranan sebagai 'pendamai' bagi mencari titik penyelesaian dalam konflik Israel-Palestin yang terus bergolak dengan pembunuhan beberapa pemimpin Hamas baru-baru ini.

Dalam temu ramah yang pertama seumpamanya dengan televisyen Israel - Channel 10 di pejabatnya di tingkat 41 Menara Berkembar Petronas di sini baru-baru ini, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau bersedia untuk ke Asia Barat bagi tujuan itu.

"Jika ia bakal menghasilkan perkembangan positif, ya. Bagaimanapun, kalau ia sekadar propaganda bagi menunjukkan minat saya, tidak," katanya ketika ditanya oleh wartawannya Guy Sharett sama ada beliau sanggup ke Israel dan menemui Pihak Berkuasa Palestin untuk menyokong usaha perdamaian serta menyaksikan sendiri konflik itu yang berlarutan selama lebih 50 tahun itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai peranan ke arah usaha damai di Asia Barat dan sebab itu Kuala Lumpur mengadakan persidangan mengenai keganasan dan takrifannya.

Malangnya kata beliau, takrifan Malaysia mengenai keganasan tidak diterima oleh rakyat Palestin dan banyak pihak lain.

"Bagaimanapun, kami ingin tegaskan bahawa apabila kami menentang keganasan, kami mahu tahu siapa penganas. Kami berminat dalam hal ini kerana ia kini turut menjejaskan kami. Sebelum ini kami tiada kena mengena dengannya, tetapi rakyat Malaysia sekarang sudah terpengaruh untuk menggulingkan kerajaan secara keganasan," katanya.

Mengenai mesejnya kepada rakyat Israel, Dr Mahathir berharap rakyat Israel dan bangsa Yahudi sentiasa berada dalam keadaan aman hingga ke akhir hayat.

Tetapi katanya, untuk menikmati kedamaian, mereka perlu mengambil berat masalah orang lain dan bukan apa yang berlaku di kalangan mereka dan berharap mereka menyedari hakikat ini bukannya perang keagamaan, ia bukan perang di antara Yahudi dan Islam.

"Ia adalah perang perebutan wilayah, perang mengenai hak rakyat Palestin di tanah air mereka. Itu saja. Dan saya harap rakyat Israel memiliki sikap timbang rasa dalam hati mereka untuk menyelesaikan konflik ini tanpa keganasan.

"(Tetapi)... anda bentuk Israel, anda usir rakyat Palestin, anda rampas tanah mereka, ladang mereka, rumah mereka. Mereka hanya mahu mengambil semula apa yang dimiliki sebelum ini... sama juga halnya di negara lain.

"Jika anda katakan Texas perlu dikeluarkan dari Amerika dan diberi kepada puak Indian Amerika untuk menetap atau sebagainya, saya yakin Amerika akan mempertahankannya dan sama juga halnya di Malaysia. Anda cuba merampas tanah air kami, kami akan tentang. Begitu juga halnya dengan rakyat Palestin. Mereka mahukan tanah mereka kembali," katanya.

Mengenai pembunuhan pengasas kumpulan Hamas, Sheikh Ahmad Yassin, beliau berkata ia adalah tindakan ganas kerana pihak Israel membunuh seorang insan sakit dan tidak dapat mempertahankan dirinya.

Malah, katanya, wujud ugutan untuk membunuh pemimpin Palestin Yasser Arafat dan ia amat menakutkan rakyat.

(END)